

# **MEMORANDUM**

**CADANGAN PENAMBAHBAIKAN  
SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA**

**OLEH:**

**DEWAN PEMUDA PAS NEGERI KELANTAN**

**KEPADА:**

**JAWATANKUASA TERPILIH  
PARLIMEN MALAYSIA**

# **MEMORANDUM**

**DEWAN PEMUDA PAS NEGERI KELANTAN**

**JAWATANKUASA TERPILIH PARLIMEN  
BAGI PENAMBAHBAIKAN SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA**

**PER : CADANGAN PENAMBAHBAIKAN SURUHANJAYA PILIHAN RAYA  
MALAYSIA**

Adalah jelas, institusi seperti SPR mempunyai kewajipan untuk memastikan bahawa pilihan raya itu bebas daripada sebarang penyelewengan peraturan dan penyalahgunaan. Ini adalah penting kerana sebuah pilihan raya yang bebas memastikan pembabitan yang bebas semua warganegara yang layak sebagai pengundi dan peserta, manakala pilihan raya yang adil pula dapat memastikan mereka turut serta di atas satu aras medan permainan. Sebuah SPR yang bebas dan penerapan undang-undang pilihan raya yang bebas membantu untuk mencegah rasuah pilihan raya, manipulasi pilihan raya atau penyalahgunaan wang untuk mendapatkan jawatan.

Setelah meneliti siri pilihan raya di Malaysia yang dikendalikan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR), kami mendapati terdapat beberapa kelemahan dan kekurangan dalam sistem pilihan raya tersebut. Oleh yang demikian, Dewan Pemuda PAS Negeri Kelantan ingin mencadangkan bagi menambahbaik lagi sistem pilihan raya di Malaysia sebagaimana berikut:-

## **1. SPR BERTANGGUNGJAWAB KEPADA PARLIMEN**

Sekarang, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) adalah diletakkan di bawah kuasa Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Keadaan ini menyebabkan ketelusan SPR dicurigai sama ada SPR benar-benar bebas daripada pengaruh dan kuasa kerajaan yang memerintah.

Sekiranya SPR diletakkan dibawah kuasa Parlimen, setiap aktiviti dan gerak kerja SPR adalah dibawah kuasa serta pemantauan Parlimen sendiri yang terdiri daripada semua pihak yang diberikan kepercayaan dan mandat oleh rakyat dalam pentadbiran Negara.

SPR juga akan lebih bebas dan telus untuk menjalankan tugas yang telah dipertanggungjawabkan oleh Parlimen tanpa perlu terikat dengan mana-mana menteri atau karenah birokrasi dalam pentadbiran Negara.

**Oleh yang demikian, sudah tiba masanya SPR diletakkan secara khusus di bawah kuasa Parlimen bagi memberikan autonomi dan sifat tidak berpihaknya SPR adalah penting untuk memastikan yang SPR berupaya menjaga demokrasi dan integriti proses pilihan raya.**

## 2. MENGHAPUSKAN UNDI POS

Undi pos merupakan satu isu yang cukup besar serta mempunyai potensi yang cukup besar untuk dimanupulasikan oleh pihak-pihak sehingga ia akan mencacatkan keadilan dan ketelusan sistem pilihan raya Negara kita.

Undi pos yang melibatkan anggota keselamatan seperti tentera dan polis seharusnya dimasuhkan kerana askar dan polis kini sudah tidak ditempatkan di kawasan terpencil dan sekiranya mereka ditugaskan di udara atau laut, mereka boleh dibawa ke pengkalan semasa hari pengundian dilakukan. Malah, menjadi persoalan besar berkenaan isteri anggota tentera dan polis turut diberi pengecualian untuk melakukan undi pos sedangkan mereka ini boleh mengundi seperti orang awam di tempat-tempat yang disediakan.

Walaupun SPR telah mengumumkan akan menempatkan pegawai-pegawai SPR untuk hadir semasa penyerahan sampul undi pos di kem-kem tentera atau ibu

pejabat polis daerah seluruh Negara dan dengan kehadiran parti atau calon bertanding sekalipun, pihak pemerintah kem masih berkuasa untuk tidak membenarkan wakil parti atau calon untuk masuk ke kem bagi tujuan pemantauan.

Pengakuan demi pengakuan dibuat oleh individu yang mendakwa pernah terlibat dalam penyelewengan undi pos semasa masih bertugas sebagai anggota tentera menyebabkan pengundian pos ini terlalu meragukan. **Oleh itu, pengundian pos ini sewajarnya dimansuhkan terus demi memberikan keadilan dan ketelusan dalam pilihan raya.**

### 3. PENGUMUMAN AWAL TARikh PILIHAN RAYA

Walaupun Perkara 55 (3) Perlembagaan Persekutuan yang menetapkan bahawa tempoh hayat maksimum Penggal Parlimen adalah 5 tahun. Namun begitu Parlimen boleh dibubarkan sebelum cukupnya tempoh tersebut. Amalan Negara kita adalah pembubaran Parlimen dibuat lebih awal daripada tempoh tersebut dan tarikh pembubaran Parlimen tersebut menjadi suatu kerahsiaan pemerintah.

Pihak kerajaan akan menggunakan kuasa mereka untuk membubarkan Parlimen berdasarkan persediaan mereka untuk menghadapinya dan itu merupakan satu kelebihan yang besar buat mereka. Ini adalah kerana segala persiapan dan strategi telah diaturkan sebaiknya sebelum kerajaan mengumunkan tarikh pilihan raya tersebut.

Malah United Kingdom sendiri telah mengamalkan sistem ini dan melalui akta Parlimen telah menetapkan bahawa tarikh pilihan raya bagi Negara tersebut adalah pada 07 Mei 2015.

**Oleh yang demikian, kami mencadangkan supaya tarikh pilihan raya akan datang hendaklah diumumkan serta digazetkan oleh kerajaan sekurang-**

**kurangnya dalam tempoh setahun daripada tarikh pilihan raya yang akan datang bagi memberikan keadilan kepada semua pihak yang terlibat membuat persediaan terutamanya calon-calon yang bertanding.**

#### **4. MEMBENARKAN PEMERHATI BEBAS PILIHAN RAYA MEMBUAT PEMANTAUAN PERJALANAN DAN PROSES PILIHAN RAYA**

Bagi memastikan perjalanan pilihan raya benar-benar adil dan telus, SPR seharus dan sepatutnya membenarkan mana-mana badan pemantau bebas yang diiktiraf untuk memantau. Tanpa pemantauan, tiada siapa yang boleh memperakui bahawa perjalanan pilihan raya yang dikendalikan oleh SPR tersebut benar-benar telus dan adil.

Pemerhati boleh memainkan peranan sebagai hakim dengan menentukan sesebuah pilihanraya itu telus ataupun tidak dengan mengemukakan bukti-bukti yang mereka perolehi. Jika ada pihak-pihak yang tidak berpuas hati dengan sistem perjalanan pilihan raya, pemerhati boleh mengemukakan laporan atau bukti-bukti perjalanan sesebuah pilihan raya itu, bagi menyelesaikan dan seterusnya menutup tuduhan-tuduhan pihak-pihak luar yang mengatakan sesuatu perjalanan pilihan raya itu adil maupun tidak.

Dari apa yang kita dengar dan tahu, pelbagai isu sudah diketengahkan oleh banyak pihak tentang ketidak telusan perjalanan sistem pilihanraya di negara kita. Tetapi setakat ini tidak ada satupun langkah-langkah yang diambil oleh pihak kerajaan dan SPR bagi membentras keadaan sebegini terus berlaku, bahkan pihak kerajaan mengatakan perjalanan pilihan raya di negara kita berjalan dengan adil dan telus dan tidak perlu kepada pemerhati luar bagi menilai sistem perjalanan pilihan raya di negara kita. Oleh itu jika betul-betul pihak SPR telus mengendalikan pilihan raya, mengapa masih ramai yang mempertikainya, dan mengapa tidak saja memanggil pemerhati luar bagi menutup isu-isu yang diketengahkan oleh pelbagai pihak.

**Oleh yang demikian, SPR perlu memberikan kebenaran kepada pemerhati bebas untuk membuat pemantauan dan pentauliahan pemantau bebas pilihan raya ini hendaklah dibuat oleh Parlimen sebaik sahaja tarikh pilihan raya diumumkan.**

## 5. RUANG KEMPEN YANG ADIL DAN SAKSAMA

Apabila pembubaran Parlimen dibuat, SPR perlu diberikan kuasa penuh untuk mengendalikan semua media masa sama ada bercetak dan elektronik. Semua parti hendaklah diberikan ruang akses yang sama kepada media dari segi masa siaran dan ruang cetakan termasuk juga waktu dan peletakan maklumat mereka.

Akses kepada media hendaklah tidak dibuat secara terpilih dan tiada diskriminasi. Media harus dibenarkan melapor kempen secara bebas, tanpa campur tangan atau sekatan tanpa sebab oleh pihak yang berkuasa.

Peluang bagi mendapat liputan berita yang saksama adalah sangat mustahak memandangkan pilihan raya yang dijalankan dalam sebuah sistem demokrasi merupakan suatu 'permainan' berbentuk persepsi dan persepsi dicorak oleh media.

Oleh yang demikian, pertandingan di antara pihak yang memonopoli media dengan pihak yang dinafikan sepenuhnya ruang media seumpama pertandingan debat di mana seorang pemidato dibenarkan menggunakan mikrofon manakala seorang lagi tidak dibenarkan menggunakan mikrofon untuk berhujah.

Media awam seperti radio dan televisyen sepatutnya bersikap non-partisan bila berdepan dengan isu-isu politik, telah lama dirosakkan pihak tertentu bagi mencapai agenda politik sempit mereka, walaupun ini merupakan suatu amalan yang bercanggah dengan Perlembagaan.

Memandangkan cengkaman sepenuhnya terhadap media secara eksklusif ini dengan kuasa yang mereka miliki, kita dapat bayangkan bagaimana senario yang boleh dilihat pada pilihan raya umum nanti. Sudah pasti pilihan raya seperti ini bukannya bercorak demokrasi. Masakan tidak, medialah yang mempengaruhi fikiran dan fikiran inilah yang mempengaruhi undi.

Televisyen, radio dan akhbar masih berperanan sebagai penyampai maklumat yang regular yang menjadi tempat pergantungan majority masyarakat di kawasan luar bandar.

**Oleh yang demikian, SPR hendaklah diberikan kuasa untuk menyedia dan menguruskan semua urusan kempen setelah pembubaran Parlimen seperti menyediakan pentas-pentas ceramah, jadual ceramah serta permit kempen atau ceramah bagi parti atau calon yang bertanding dalam sesuatu pilihan raya termasuklah kempen melalui media massa dan elektronik.**

## 6. CARETAKER GOVERNMENT

Sebelum Parlimen dibubarkan, Parlimen hendaklah melantik individu-individu yang akan menjadi ahli dalam Caretaker Government bagi memastikan dasar-dasar kerajaan yang telah ditetapkan diteruskan perlaksanaan. Tugas Caretaker Government hanyalah menjalankan semua ketetapan dan keputusan yang telah diputuskan oleh kerajaan dan tidak berkuasa untuk membuat sebarang ketetapan baru.

Ini adalah penting bagi menghalang penggunaan kemudahan dan dana awam untuk berkempen. kerajaan sementara ialah ia membawa pengertian mengambil alih kerja-kerja pentadbiran. Ia selaras dengan amalan berkerajaan dunia dan Komanwel semasa Parlimen dibubarkan sehingga Dewan Parlimen baru diwujudkan semula, maka kerajaan sementara itu hendaklah secara berhati-hati

menjalankan tugasnya. Ini bermakna secara minimum kerajaan sementara menyudahkan sahaja kerja-kerja pentadbiran yang dilaksanakan.

**Seharusnya, sebagaimana yang dibuat di banyak negara demokrasi di dunia ini, selepas pembubaran Parlimen, kerajaan yang sedia ada turut terbubar. Tugas dan peranan Perdana Menteri selaku pemimpin kerajaan akan turut terhenti. Tugas beliau akan dipangku buat sementara oleh Perdana Menteri sementara. Kerajaan sementara pula akan mengambil tempat bagi mentadbir kerajaan dan negara sehingga pilihanraya berlangsung.**

#### 7. CALON YANG BERTANDING MENGGUNAKAN SIMBOL PARTI

Sekarang ini peraturan mewajibkan setiap calon yang bertanding perlu menggunakan simbol tertentu sama ada simbol bebas atau sesbuah parti. Rakyat kemudiannya memilih calon yang menggunakan salah satu symbol parti tersebut yang membawa kepada kemenangan.

Namun kemudian, individu tersebut keluar parti atau melompat parti atau sebagainya. Ini menyebabkan timbul rasa tidak puas hati dikalangan rakyat yang memilih individu tersebut kerana dia dipilih atas dasar parti.

Oleh yang demikian, kami cadangkan supaya apabila seseorang calon yang melompat atau keluar dari parti, kerusi yang dimenangi tersebut hendaklah diganti oleh seseorang yang difikirkan sesuai oleh parti yang memenangi atau menyandang kerusi tersebut secara automatik tanpa perlu mengadakan pilihan raya semula.

## 8. SISTEM PILIHANRAYA YANG LEBIH SAKSAMA DAN LEBIH TERKINI

Sejak tahun 1957, Malaysia mengekalkan sistem politik pelbagai parti yang mana parti politik yang memperoleh majoriti kerusi di Parlimen (Dewan Rakyat) atau Dewan Undangan Negeri boleh menubuhkan Kerajaan Persekutuan atau Negeri. Sistem yang digunakan di Malaysia berasaskan 'First-Past-The-Post-System'. Ini bermakna calon-calon yang memperoleh majoriti akan diisyihar pemenang di bahagian pilihan raya yang berkenaan.

Kebanyakan Negara di dunia tidak lagi menggunakan system ini, malah mereka telah menukar system yang lebih baik bagi menjamin keadilan serta menjaga hak rakyat sebagai pengundi yang telah memilih calon untuk menyuarakan hak-hak mereka.

**Oleh yang demikian, system pilihan raya di Negara kita perlu dikaji dan pertambahbaik bagi memastikan hak semua pengundi terjaga.**

## 9. PENDAFTARAN AUTOMATIK PENGUNDI BARU DAN UMUR KELAYAKAN 18 TAHUN

Negara kita telah memasuki era modenisasi terutamanya dalam bidang teknologi maklumat. Proses pendaftaran secara automatik boleh menjimatkan masa dan wang ringgit kerana parti-parti politik tidak perlu lagi berkempen untuk menarik orang ramai supaya menjadi pengundi, selain pegawai Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) tidak perlu turun padang untuk mendaftarkan mereka.

Pelaksanaan pendaftaran pemilih secara automatik merupakan kaedah yang lebih efisyen dan efektif dalam proses pendaftaran pemilih baru selain dapat menjimatkan penggunaan duit rakyat dan tenaga kerja.

Antara contoh negara-negara yang mengamalkan pendaftaran pemilih secara automatik adalah Indonesia dan Australia. Rakyat tidak perlu beratur panjang dan penolong pendaftar pilihanraya tidak perlu dilantik. Pihak SPR hanya perlu mendapatkan kerjasama daripada Jabatan Pendaftaran Negara untuk mendapatkan senarai warganegara yang sudah mencapai umur 18 tahun. Kemudian data ini akan diproses menjadi senarai daftar pemilih baru. Tugas ini sangat mudah dan dapat mengelakkan daripada manipulasi data oleh pihak yang tidak bertanggungjawab teknologi berkomputer.

Umur yang layak didaftarkan sebagai pemilih sepatutnya diturunkan kepada 18 tahun dan bukannya 21 tahun seperti sekarang ini. Padahal umur 18 tahun merupakan satu usia yang sudah matang dan mampu untuk membuat pilihan sendiri.

**Oleh yang demikian, SPR perlu mengemaskini data serta bekerjasama dengan Jabatan Pendaftaran Negara bagi mengadaptasi pendaftaran pemilih secara automatik bersesuaian dengan peredaran zaman.**

## 11. HARI PENAMAAN CALON DAN TEMPOH BERKEMPEN

Sekarang ini peraturan pilihan raya hanya menetapkan beberapa jam sahaja dalam satu hari khusus untuk proses penamaan calon. Ini menyebabkan berlakunya kekalutan, tekanan dan kehangatan calon yang bertanding, parti politik dan para penyokong yang turut serta ke pusat penamaan calon.

Oleh yang demikian, SPR perlu menetapkan satu tempoh tertentu yang munasabah bagi mengelakkan perkara ini daripada berlaku kerana setiap kali sahaja penamaan calon pasti ada perkara-perkara yang tidak diingini berlaku.

**Tempoh berkempen juga perlu dikaji oleh SPR bagi memberikan peluang dan ruang kepada parti atau calon bertanding untuk berkempen dengan lebih adil dan saksama. Tempoh kempen yang tidak munasabah akan membuatkan suasana pilihan raya akan menjadi hangat dan boleh menimbulkan masalah diluar jangkaan.**

**12. MENGHAPUSKAN PENGHANTARAN PENYATA DAN AKAUN PERBELANJAAN PILIHANRAYA CALON.**

Seksyen 23 Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 menetapkan setiap calon agar menghantar penyata dan akaun perbelanjaan pilihan raya dalam tempoh 30 hari selepas keputusan pilihan raya disiarkan dalam warta. Kegagalan berbuat demikian adalah menjadi satu kesalahan.

Namun begitu, seksyen tersebut dilihat sudah tidak relevan untuk terus diamalkan dalam sistem pilihan raya di Negara kita sekarang ini. Realitinya perbelanjaan pilihan raya bagi setiap calon adalah melebihi daripada yang gariskan oleh seksyen tersebut. Namun begitu, bagi mematuhi peruntukan tersebut, penyata dan akaun yang dihantar akan diolah sedemikian rupa bagi memenuhi kehendak-kehendak yang termaktub di bawah seksyen tersebut.

**Oleh yang demikian, peruntukan seksyen tersebut dihapuskan kerana ianya tidak lagi dapat memenuhi semangat seksyen tersebut diadakan.**

Disediakan oleh:

Lajnah Undang-Undang & Hak Asasi Manusia,  
Dewan Pemuda PAS Negeri Kelantan.